

17 OCT 2002

Wang-Pesta/I

PESTA WANG ANTARABANGSA DIJANGKA TARIK 15,000 PENGUNJUNG

SHAH ALAM, 17 Okt (Bernama) -- Pesta Wang Antarabangsa Kuala Lumpur yang akan mempamerkan pelbagai jenis syiling dari seluruh dunia, dijangka menarik kira-kira 15,000 pengunjung terutama dari kalangan muda.

Pengarah Eksekutif bagi pencetak dan pengeluar syiling negara The Royal Mint, Anwar Kamarudin berkata, diharapkan pesta itu dapat membangkitkan kesedaran numistik di kalangan rakyat Malaysia terutama generasi muda.

Royal Mint akan menjadi tuan rumah bagi pameran dan sekaligus persidangan tiga hari itu yang bermula 1 Nov ini di Pusat Dagangan Dunia Putra. Ia yang pertama kali diadakan adalah juga sempena Pesta Pelaburan Antarabangsa Kuala Lumpur dan Pesta Kolektibel Antarabangsa Kuala Lumpur.

"Adalah menjadi harapan kami bahawa kanak-kanak yang mengunjungi pesta itu dapat mendapat melihat sendiri pameran berkenaan, agar kelak dapat memulakan koleksi secara kecil-kecilan, kata Anwar pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Katanya pesta wang itu akan dijadikan acara tahunan dan berharap lebih banyak pihak dapat mengeluarkan lebih banyak syiling dan menganjurkan lebih banyak acara berkaitan syiling dan pencetakan.

Anwar menambah pesta itu yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempamerkan 350 jenis syiling yang digunakan di Malaysia sejak zaman penjajahan Portugis.

"Lelongan syiling dan wang kertas yang sukar diperolehi dari harga terendah RM50 hingga harga tertinggi RM8,000 sekeping akan juga dilakukan," katanya.

Beliau berkata sebanyak 10 pencetak luar serta 20 peniaga dan pengeluar wang tempatan dan asing telah mengesahkan penyertaan mereka.

Acara bagi murid sekolah rendah seperti peraduan mewarna dan melukis dengan hadiah wang tunai, acara mencari harta karun dengan hadiah utama berupa bulion emas "Kijang Emas" serta cabutan bertuah dengan hadiah unik turut disediakan.

Royal Mint turut menawarkan set syiling emas dan perak cetakan terhad, yang dikeluarkan sempena Sukan Sea di Kuala Lumpur baru-baru ini.

-- BERNAMA

RIZ HM